



Isnin – 11 Januari 2021

Halaman : 30

Orang Asli terima bakul makanan

Oleh AIMUNI TUAN LAH

utusannews@mediamulia.com.my

GUA MUSANG: Jabatan Kembangsaan Orang Asli (Jaka) mengagihkan sebanyak 500 bakul makanan kepada masyarakat Orang Asli di lima kampung di sekitar jajahan ini yang terjejas akibat bencana banjir.

Pegawai Jaka daerah, Muhamad Yusrizal Ghani berkata, penerima terdiri daripada 92 ketua isi rumah (KIR) di Kampung Pasir Linggi, Kuala Koh (53 KIR), Kampung Aring 5 (76 KIR), Kampung Bawek (10 KIR) dan Kampung Sungai Tako (6 KIR).

“Penduduk Orang Asli di kampung terbabit kerap terputus hubungan apabila jambatan dan jalan ditenggelami banjir.

“Selepas berlaku kejadian banjir, mereka sukar untuk keluar bagi membeli barang keperluan,” katanya ketika ditemui pemberita di Kampung Pasir Linggi, di sini semalam.

Bantuan bakul makanan kepada penduduk Orang Asli itu sebelum ini turut disampaikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paloh, Amran Arifin.

Menurut Muhamad Yusrizal, daripada baki itu, sebanyak 263 bakul makanan lagi akan diagih-

kan kepada penduduk Orang Asli termasuklah di Pos Gob dan Kuala Koh.

Katanya, bekalan makanan harian yang dihantar itu seperti beras, gula, tepung gandum, telur, gula, serbuk teh dan beras.

“Kita juga akan memantau keseluruhan kampung Orang Asli yang terjejas banjir untuk dihantar bantuan makanan dengan segera.

“Penduduk Orang Asli tidak perlu bimbang kerana kita sudah mengatur program penyampaian bantuan makanan itu setiap kali selepas banjir surut,” katanya.



MUHAMAD Yusrizal Ghani (tengah) bersama bakul makanan yang diagihkan kepada mangsa banjir Orang Asli di Kampung Pasir Linggi, Gua Musang, Kelantan.